

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1981**

**DASAR PEMBAHAGIAN/PINDAH MILIK LOT-LOT TANAH
DALAM SATU-SATU RANCANGAN PERUMAHAN**

Berikut dengan satu keputusan Majlis Maeyuarat Kerajaan Negeri mengenai perkara di atas, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil.3/1976 yang dipinda oleh Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil.6/1978 telah dikeluarkan untuk dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua Pemungut Hasil Tanah. Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk mempastikan bahawa perlaksanaan dasar yang telah ditetapkan itu dapat diikuti dengan sepenuh-penuhnya.

2. Di dalam Mesyuarat Pemungut Hasil Tanah yang diadakan di Gua Musang pada 31hb. Mei, 1981 saya telah menerangkan bagaimana perlaksanaan dasar ini dapat diikuti iaitu dengan menggunakan satu buku rekod khas bagi mengesan pindahmilik lot-lot yang didaftarkan hakmiliknya berikutan dengan pecah sempadan. Kandungan buku rekod itu hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana Lampiran A kepada Arahan ini.
3. Perhatian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik kepada kadar yang ditetapkan iaitu 30:70 atau 50:50 (Bukan Melayu : Melayu) bagi tanah yang dimiliki oleh Bukan Melayu dan cara melaksanakannya. Kadar pindahan ini hendaklah dipatuhi serentak pada tiap-tiap kali pindahmilik dibuat. Misalnya jika 3 lot hendaklah dipindahmilik kepada Bukan Melayu, pindahan 7 lot kepada Orang Melayu hendaklah dibuat bersekali ataupun sekurang-kurangnya ada bukti yang nyata ditunjukkan bahawa 7 lot itu akan tetap dipindahmilik kepada Orang Melayu.
4. Bagi memperingatkan Pemungut Hasil Tanah bahawa pindahmilik satu-satu lot hendaklah dibuat mengikut dasar yang ditetapkan maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah menandakan disebelah bawah tiap-tiap dokumen hakmilik daftar (RDT sahaja) yang berkenaan perkataan "Arahan P.T.G. Bil.2/1981". Perlu diingatkan iaitu catitan ini bukanlah dianggap sebagai memorial, endorsement atau entry yang biasanya dimasukkan ke dalam dokumen hakmilik yang menpunyai kuasa undang-undang tetapi hanya sebagai peringatan kepada Pemungut Hasil Tanah / Pendaftar sahaja mengenai dasar yang telah ditetapkan itu.

5. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mengadakan satu buku rekod yang tersebut dan menentukan bahawa segala pindahmilik lot-lot yang dibuat mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil.3/1976 dan Bil 6/1978 itu dicatitkan ke dalamnya.

t.t
(AB.HAMID B.HJ.ABU BAKAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 16HB. JUN, 1981

FAIL: P.T.G. KN.3269/(55)

KEPADА:

1. Timbalan Pendaftar Hakmilik Kelantan.
2. Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.
3. Yb. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

LAMPIRAN ‘A’

PECAH SEMPADAN – Pek. P.T.G. Bil. 3/76 dan 6/78

No. Hakmilik:

No Lot:

Mukim:

Daerah:

Tuantanah:

Bil. Lot Baharu:

Rujukan:

Butir-butir Pindahmilik:

Bil	No. Hakmilik	No. Lot	Luas	Penerima Pindahmilik	Tarikh	Pres. No.	Lain- lain